



Oleh:  
**ALIAS  
MOHAMED**

Bahagian Keenam

# WANG, RASUAH MASALAH BARU MAHATHIR

W 15 OCT 1985

**A**PA juga yang diusahakan oleh orang Melayu tidak akan berhasil selagi feudalisme masih menjajah fikiran orang Melayu. Selagi saki-baki sistem ini masih berpengaruh, usaha-usaha untuk meleburkannya mesti diteruskan. Jika Mahathir boleh diangap keras dalam usaha-usaha ini, ini adalah kerana feudalisme tidak menghormati perikemanusiaan. Di negara ini, jika tidak kerana nasionalisme bukan saja orang Melayu tidak boleh bangkit, tetapi juga Islam hanya menjadi alat orang-orang yang berkuasa dalam sistem feudalisme.

Dalam pada itupun ada bahagian-bahagian dalam feudalisme yang boleh menjadi positif kepada usaha-usaha untuk memperbaiki imej orang Melayu, lebih-lebih lagi dilihat dari konteks negara majmuk seperti di negara kita. Bahagian-bahagian ini dikekalkan dan tidak dihapuskan sama sekali.

Demikianlah dengan kapitalisme. Apa yang kekal dan dipupuk adalah untuk pertumbuhan ekonomi dan yang disingkir adalah yang tidak menggalakkan pengagihan kekayaan negara untuk faedah golongan majoriti yang masih di bawah paras miskin.

Sejak berakhirnya isu pindaan perlembagaan, Mahathir boleh dikatakan berada dalam keadaan tenang. Tetapi dalam enam bulan pertama tahun 1985 beliau berhadapan dengan beberapa masalah dalam UMNO. Yang paling menonjol sekali ialah politik kepimpinan dan penggunaan wang atau rasuah dalam UMNO.

Sesebuah parti pemerintah yang berkuasa terlalu lama boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada negara yang diperintah dan ditadbirkannya. Sebenarnya UMNO diwujudkan di atas persefahaman untuk menggembelngkan seluruh negara dan fikiran orang Melayu untuk mempertahankan hak-hak mereka sebagai bangsa bumiputera yang asal di negara ini.

Ketika pengembara-pengembara Timur dan Barat mula-mula sampai ke Tanah Melayu, yang pertama sekali dilihat ialah wujudnya satu sistem pemerintah tempatan orang Melayu yang dipengaruhi oleh Hindu dan Islam. Sebelum Empayar Melaka muncul dalam kurun ke-15 beberapa buah pu-

*"Sungguhpun Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan Tun Hussein pernah beberapa kali bergelut dengan masalah tuntutan orang Cina namun hanya Dr. Mahathir dapat memberi penjelasan..."*

sat pemerintahan tempatan telah wujud di merata-rata tempat di Tanah Besar Semenanjung.

Dalam kurun ke-13 Islam sudahpun bertapak dengan kuatnya di beberapa tempat termasuk Pantai Timur Semenanjung. Apabila Empayar Melaka menjadi pusat perdagangan yang terpenting di Timur dalam Kurun ke-15, pedagang-pedagang Arab dan Parsi menumpukan perdagangan mereka dengan giatnya di Melaka dan Sumatera serta di pesisir pantai Semenanjung.

Pengaruh Islam dipercayai tersebar dengan luasnya ketika ini dengan pedagang-pedagang Melayu dan Aceh turut mengembara dan berdagang dari satu sudut pantai semenanjung ke satu sudut yang lain.

Seperti biasa, apabila berlaku pertemuan antara satu bangsa atau kaum dengan satu kaum yang lain, maka berlakulah apa yang tidak mungkin tidak berlaku, iaitu perkahwinan antara satu kaum dan agama dengan satu kaum dan agama yang lain. Perkahwinan tidak terhad kepada kaum-kaum dan bangsa yang beragama Islam saja, bahkan dalam 'Sejarah Melayu' diceritakan tentang perkahwinan antara Sultan Melaka dengan anak Raja China, Puteri Hang Li Po.

Pendek kata, Melaka bukan saja pusat perdagangan bagi segala bangsa yang pesat dan berpengaruh tetapi juga pusat pengembangan agama Islam yang terkenal dan berkesan. Dalam pada itupun, sebagai satu sistem pemerintahan, Melaka tidak sedikitpun terjejas oleh kemasukan pengaruh-pengaruh kaum asing, seperti keturunan India, Arab, Parsi dan sebagainya.

Orang-orang Cina didapati memainkan peran-

an yang tidak ketara saja dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Mereka disebut sesekali dalam riwayat-riwayat dan 'Sejarah Melayu' sebagai saudagar-saudagar atau pedagang kecil atau jongos-jongos Raja.

Selepas kedatangan Portugis, maka kaum Portugis pula disebut sebagai kuasa politik yang paling berpengaruh, tetapi kekalahan Melaka di tangan Portugis tidak menjejaskan sistem Kesultanan Melayu.

Sebagaimana yang diketahui, selepas kekalahan Melaka, pembesar-pembesar Melayu mencari perlindungan di berbagai-bagai kawasan di Melaka dan setengah-setengahnya mencari tapak-tapak baru pentadbiran dengan diikuti oleh para pengikut mereka. Sementara golongan-golongan lain pula bergabung dengan pentadbir-pentadbir Kesultanan Melayu yang lain di beberapa pelosok di Semenanjung dan Sumatera.

Belanda yang berpengaruh di sekitar perairan Timur dan Kepulauan Melayu juga gagal menghancurkan sistem Kesultanan Melayu, walaupun kuasa Eropah ini berjaya mengalahkan beberapa pusat pentadbiran Kesultanan Melayu di Kepulauan Melayu. Sungguhpun perdagangan dalam zaman 'Dutch Power' telah berpindah ke tempat-tempat lain, namun pengaruh Islam terus meresap ke dalam pentadbiran pusat-pusat kuasa Kesultanan Melayu di seluruh Kepulauan Melayu termasuk Semenanjung.

Oleh itu, di samping mengukuhkan pentadbiran sistem kesultanan, Raja-raja Melayu telah menerapkan pengaruh Islam dengan berkesan dalam sistem pentadbiran mereka. Adalah tidak menghairankan kalau beberapa orang raja dan pembesar-pembesar Melayu pernah berusaha melaksanakan undang-undang Islam menerusi beberapa jenis peraturan, seperti sula bagi yang berzina, potong tangan bagi yang mencuri atau sebat dan sebagainya.

Dalam sastra Melayu contoh-contoh pentadbiran Islam yang dilaksanakan oleh pemerintah-pemerintah Melayu di beberapa pusat kuasa, sama ada di Semenanjung atau di Sumatera, yang dimuatkan dalam bahan-bahan tersebut adalah banyak sekali.

Sungguhpun pengaruh Hindu tidak terhapus terus dari sistem dan tradisi pentadbiran politik Melayu, ia tidak bermakna pengaruh-pengaruh kebudayaan Cina merupakan sebahagian besar yang diterapkan dalam sistem pentadbiran terse-

berdepan dengan peubagal masalah...

but. Malah tidak ada bukti yang jelas untuk menunjukkan ciri-ciri kebudayaan dan amalan orang Cina diterapkan dengan berkesan dalam sistem pentadbiran politik Melayu.

Nampaknya perkahwinan campur antara Melayu dan Cina pada ketika itu, dan juga pada bila-bila masa yang lain, tidak menyebabkan pengaruh kebudayaan Cina wujud dalam sistem pentadbiran politik Melayu.

Soal ini penting kerana dalam tahun 1963 apabila Singapura menyertai Malaysia, Lee Kuan Yew telah menonjolkan teori di mana orang Cina dan keturunan India mempunyai hak yang sama ke atas negara ini dan yang demikian, menentang hak istimewa orang Melayu. Bertolak dengan pandangan inilah, maka Perdana Menteri Singapura itu mencipta slogan 'Malaysian Malaysia', yang kini menjadi slogan DAP.

Sungguhpun Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan Tun Hussein pernah beberapa kali bergelut dengan masalah tuntutan orang Cina ke atas apa yang dianggap sebagai hak-hak mereka dalam negara ini, namun hanya Dr. Mahathir dapat memberi penjelasan yang tepat kepada masalah pentingnya wujud satu garis pemisah antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu.

Dengan memberi takrif sebagai 'definitive race' kepada orang Melayu dalam bukunya yang masyhur itu, iaitu 'The Malay Dilemma', belau telah berjaya menutup mulut para pemimpin Cina yang sekian lama mengkritik 'keistimewaan' orang Melayu di negara ini. Bahkan banyak kekaburan telah dijelaskan.

## KUASA

Ketibaan Inggeris di Tanah Melayu dalam abad ke-19 hampir-hampir melumpuhkan Sistem Kesultanan dan Sistem Politik Melayu. Dengan perjanjian atau persetujuan-persetiaan dengan Raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar Melayu tempatan, 'British power' yang memerintah lautan hampir di seluruh dunia dan menjadi kuasa yang terpenting sekali itu, telah mengubah kuasa raja-raja Melayu sebagai kuasa yang kedua selepas kuasa mereka dalam pentadbiran kerajaan dan sistem politik.

Sungguhpun di beberapa tempat penasihat-penasihat British menunjukkan kecondongan untuk menceroob kebudayaan Melayu dan Islam dan mendapat tentangan, mereka tidak berjaya untuk menukar sama sekali sistem politik Melayu yang telah lama berakar-umbi itu.

Kuasa atau penjajahan British diketahui sebagai pengaruh yang paling besar dan lama sekali memerintah di negara ini. Sejak dari zaman pembontakan Naning (Perak), Datuk Bahaman (Pahang), Haji Abdul Rahman (Terengganu) dan Tuk Janggut (Kelantan), penjajahan British berusaha dengan tekun untuk menghapuskan saki-baki kesetiaan orang Melayu kepada sistem politik mereka. Tetapi gagal.

Satu fenomena yang penting yang patut diketahui dan difahami ialah sejak dari zaman Empayar Melayu Melaka lagi hingga ke zaman penjajahan British, sampailah ke saat-saat pecahnya Perang Dunia Kedua, tidak ada satu kuasa pun yang pernah berjaya untuk menghapus dan memusnahkan Sistem Politik Melayu yang berasaskan Kesultanan Melayu itu.

Walaupun para pemimpin Cina di negara ini berusaha dan menuntut dengan rancaknya melalui MCA dan parti-parti pembangkang Cina yang lain, seperti Gerakan (sekarang dalam Barisan Nasional) dan DAP untuk berkongsi mentadbirkan negara ini dengan orang Melayu, namun tuntutan orang Melayu untuk mengekalkan hak-hak mereka.